

TERMA RUJUKAN

PROGRAM ADIGURU CENDANA

GAMBARAN KESELURUHAN

Permohonan Dibuka	Tarikh Akhir Permohonan	Pemohon Dimaklumkan Pada	Sesi Taklimat Surat Perjanjian	Program Bermula Pada
16 Ogos 2021	20 September 2021	1 November 2021	1-2 minggu selepas makluman	1 Disember 2021 dan seterusnya

Apakah Program Adiguru CENDANA?

Kesenian tradisional Malaysia adalah suatu wadah untuk mengungkapkan rasa jati diri dan identiti kepada masyarakat, kumpulan dan individu. Usaha melindungi pelbagai bentuk kesenian tradisional pula adalah jalan untuk memastikan kearifan tempatan terus diamalkan oleh generasi masa hadapan. Namun, banyak pengetahuan dan kemahiran berkaitan kesenian tradisional ini berhadapan dengan ancaman kepupusan kerana pengamalannya semakin berkurang, golongan muda semakin hilang minat dan kekurangan dana.

Oleh yang demikian, **Program Adiguru CENDANA** diwujudkan untuk menunjang perkembangan dan memastikan kesinambungan bentuk-bentuk kesenian tradisional Malaysia, serta melahirkan kesedaran dan menggalakkan pemindahan pengetahuan dan kerja-kerja pendokumentasian. Program Adiguru CENDANA akan membuka peluang **permohonan dan pencalonan** kepada mereka yang memiliki pengetahuan dan kemahiran tinggi dalam amalan serta penyampaian pelbagai bentuk kesenian tradisional. Adiguru yang terpilih akan menerima geran sehingga **RM30,000 bagi tempoh masa sehingga dua belas (12) bulan** untuk membangunkan program-program atau menambahbaik infrastruktur berkaitan dengan bentuk kesenian masing-masing.

Program Adiguru CENDANA merupakan sebuah **program kesenian masyarakat** yang bermatlamat untuk:

- Menghargai **individu** atau **kumpulan atas kepakaran** (amalan-amalan dan ungkapan-ungkapan yang diwarisi dari generasi ke generasi, serta pengetahuan, kemahiran dan nilai berkaitan yang dianggap oleh masyarakat tempatan sebagai sebahagian daripada bentuk-bentuk kesenian tradisional mereka) dan pencapaian seumur hidup dalam memupuk kecemerlangan, daya tahan dan perkembangan kesenian tradisional Malaysia dalam masyarakat mereka;
- Mengutamakan sokongan para adiguru atau pengamal kesenian tradisional yang berpengalaman dalam **mengajar seni mereka kepada golongan muda** setempat;
- Memperkuat usaha-usaha para adiguru atau pengamal kesenian tradisional yang berpengalaman dalam memastikan kelestarian amalan seni mereka dalam masyarakat;
- Meningkatkan penonjolan diri para adiguru atau pengamal kesenian tradisional yang berpengalaman melalui **proses dokumentasi** yang akan dilaksanakan oleh CENDANA dengan rakan program PUSAKA bagi menggalakkan lagi penghargaan dan pemahaman;

TERMA RUJUKAN

- Membolehkan para adiguru atau pengamal berpengalaman untuk menyelenggara/ menambahbaik infrastruktur (contoh: panggung awam) atau menambahbaik kelengkapan lain (contoh: kostum tradisional, alat muzik) bagi kesenian tradisional dalam masyarakat setempat;
- Memudahkan jalinan dan perkongsian antara para adiguru atau pengamal berpengalaman, masyarakat mereka, dan pembangunan koridor ekonomi wilayah, mempromosikan bentuk-bentuk kesenian mereka kepada masyarakat yang lebih luas dan menyumbang kepada kelestarian dan daya maju amalan kesenian mereka. Ini termasuk penyertaan dalam program jangkauan yang berkaitan seperti **program perantisan** yang dianjurkan oleh CENDANA dengan rakan program PUSAKA.

Siapakah yang layak memohon Program Adiguru CENDANA?

- CENDANA mempelawa permohonan langsung dan/ atau pencalonan awam bagi **adiguru** atau pengamal kesenian tradisional yang berpengalaman di seluruh Malaysia, yang merangkumi bidang teater, muzik, tarian, penceritaan, seni visual dan kraf;
- Pemohon atau calon harus **diiktiraf oleh komuniti mereka sebagai seorang adiguru** atau pengamal yang berpengalaman dalam kesenian dan tradisi masing-masing serta berkemahiran tinggi **sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun**;
- Individu yang mempunyai ciri-ciri latar belakang di atas boleh memohon secara langsung melalui Borang Permohonan;
- Atau sekiranya anda mengenali mana-mana individu / adiguru yang memerlukan bantuan dalam proses pendaftaran permohonan, anda boleh mencalonkan individu / adiguru tersebut dengan izin mereka melalui Borang Pencalonan (sila ambil maklum bahawa pencalon hanya membantu individu / adiguru dalam proses pencalonan bagi pendaftaran dan sekiranya permohonan berjaya, geran akan disalurkan hanya kepada calon sahaja);
- Keutamaan akan diberikan kepada para adiguru yang belum menerima sebarang anugerah negara dan yang tidak bekerja sebagai pengajar seni tradisional di mana-mana institusi pendidikan;
- Permohonan dan pencalonan mestilah dibuat oleh warganegara Malaysia secara individu, kumpulan atau organisasi/pertubuhan¹. Walaubagaimanapun, pemohon utama atau calon yang berjaya mesti memikul tanggungjawab pentadbiran secara sepenuhnya dan terlibat secara aktif dalam keseluruhan proses. Program ini akan diselia sama oleh rakan usahasama CENDANA iaitu PUSAKA.
- Program ini terbuka kepada para adiguru atau pengamal berpengalaman kesenian tradisional yang terlibat dalam bidang-bidang khusus seperti (tetapi tidak terhad) dalam senarai di bawah.

Kesenian Tradisional	
i.	Tradisi dan ungkapan lisan (cth. bacaan puisi epik, lagu dodoi, pantun, syair, gurindam);

¹ Organisasi merujuk kepada jenis pemohon yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Pendaftar Syarikat (ROC) atau Pendaftar Pertubuhan (ROS).



TERMA RUJUKAN

- | | |
|------|--|
| ii. | Muzik (cth. Ghazal, Dondang Sayang, Kulintangan, Muzik Tradisional Cina, Muzik Karnatik; Gamelan, Kompang); |
| iii. | Tarian (cth. Tarian Portugis, Bharatanatyam, Kuda Kepang, Ngajat); |
| iv. | Teater (e.g. Wayang Kulit, Mak Yong, Opera Cina, Jikey); |
| v. | Penceritaan (cth. Penglipur Lara, Tukang Cerita Orang Asal); |
| vi. | Seni Visual (cth. Kaligrafi, Arca Tradisional); |
| vii. | Kraf (cth. Tekstil Tradisional, Ukiran Kayu, Anyaman, Barang Kemas Orang Asal, pembuatan Boneka Wayang Kulit, peralatan muzik tradisional); |

Siapakah yang tidak layak memohon Program Adiguru CENDANA?

CENDANA tidak akan dapat menyokong permohonan anda jika anda:

- i) Adalah individu/ Kumpulan/ Pertubuhan yang:
 - kegiatan utamanya tidak termasuk dalam sektor kesenian tradisional;
 - permohonannya tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan;
 - diwujudkan untuk tujuan bukan sekular;
 - telah diisytiharkan mufliis/ bankrap atau sedang menghadapi prosiding kebangkrapan;
 - sedang menghadapi tindakan, tuntutan, proses atau penyiasatan terhadap pemohon;
 - sedang didakwa dan/ atau disabitkan dalam proses jenayah atau dinamakan sebagai tertuduh dalam proses kes mahkamah yang belum selesai;
 - sedang menerima dana di bawah mana-mana program pembiayaan CENDANA atau syarikat induknya iaitu MyCreative Ventures Sdn Bhd;
 - yang masih di dalam proses penilaian / mempunyai laporan penilaian berkaitan program pembiayaan sebelum ini dengan CENDANA atau syarikat induknya iaitu MyCreative Sdn Bhd yang masih belum diserahkan;
 - sekiranya terdapat penemuan buruk terhadap pertubuhan semasa proses dan semakan usaha wajar.

- ii) Mencadangkan projek/ siri program atau kegiatan yang:
 - telah disempurnakan sebelum waktu permohonan atau sebelum selesai proses penilaian permohonan CENDANA;
 - tidak mempunyai komponen kesenian tradisional yang jelas,
 - mengutamakan tujuan untuk mempromosikan agama;
 - diadakan di tempat keagamaan;
 - bertujuan khusus untuk tujuan akademik atau dibentangkan di bawah naungan mana-mana sekolah atau institusi pengajian tinggi dan merupakan sebahagian daripada kurikulumnya;
 - tidak bertujuan untuk kepentingan awam;
 - bertujuan untuk pengumpulan dana.

TERMA RUJUKAN

Apakah sokongan yang diberikan oleh Program Adiguru CENDANA?

Program Adiguru menyokong pelbagai kegiatan dan perbelanjaan² seperti:

Perbelanjaan Yang Layak
<p><u>Pemindahan melalui pendidikan atau pengajaran dan sesi bengkel</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ● Honorarium atau bayaran yang diperlukan untuk menghasil, mengajar, atau menyampaikan projek/ siri kegiatan (cth. program pengajaran atau bengkel bagi pemindahan pengetahuan, pendokumentasian amalan dalam bentuk sukatan pelajaran atau modul pengajaran, perkongsian pengetahuan digital, dll.) ● Kos bagi menyediakan sokongan kepada golongan muda setempat dalam mempelajari kesenian tradisional mereka (cth. peralatan bengkel, makanan dan minuman untuk pelajar semasa bengkel). ● Sewaan bahan atau pembelian bahan (sekiranya tiada pilihan sewaan atau harga bahan yang dibeli adalah lebih murah berbanding harga sewaan) bagi tujuan pengajaran (contohnya: bahan bantuan demonstrasi, bahan dan alat yang berkaitan dengan kesenian di mana justifikasi yang relevan dinyatakan dan sebagainya). ● Kos yang terlibat bagi menyediakan modul panduan atau manual yang berkaitan untuk mengajar atau sebagai pengisian dalam sesi bengkel (contohnya: percetakan, honorarium kepada pihak yang terlibat sama seperti penulis, penyelidik, penyunting, pereka, jurugambar dan sebagainya) <i>Nota: sekiranya kerjasama yang dijalin melibatkan sesebuah syarikat, sila nyatakan butiran seperti dokumen sokongan dan profil syarikat yang terlibat dalam kerjasama tersebut.</i> ● Kos ujian saringan COVID (bila perlu) sebagai amalan baik dalam menyediakan ruang kerja yang selamat kepada semua yang terlibat dengan projek (spt. adiguru, pembantu, tenaga pengajar, dsb). Namun, kos yang dibenarkan adalah terhad untuk mereka yang terlibat dalam projek-projek yang diluluskan sebagai sebahagian daripada kumpulan yang utama sahaja.
<p><u>Aktiviti bersama atau untuk kebaikan komuniti tempatan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ● Honorarium atau bayaran bagi tujuan persembahan kesenian dalam komuniti setempat sebagai fokus utama serta kos sampingan yang merujuk terus pada persembahan kesenian (contohnya: penyewaan sistem siar raya (PA), makanan dan minuman kepada penggiat persembahan). ● Sewaan bahan atau pembelian bahan (sekiranya tiada pilihan sewaan atau harga bahan yang dibeli adalah lebih murah berbanding harga sewaan) untuk persembahan (contohnya: bahan-bahan, alat, kostum tradisional dan alat peraga hiasan / props yang berkaitan dengan kesenian di mana justifikasi yang relevan dinyatakan dan sebagainya.) ● Bayaran yang diperlukan untuk persembahan kesenian tradisional dalam masyarakat setempat, serta kos tambahan yang berkaitan langsung persembahan tersebut (cth. sewaan sistem suara, makanan dan minuman untuk para penggiat)

² Senarai ini mungkin tidak lengkap. Sila hubungi CENDANA sekiranya anda memerlukan penjelasan.



TERMA RUJUKAN

Pembaikan Infrastruktur/ Bahan

- Bayaran berkaitan **pembaikan** infrastruktur/ menaiktaraf aset fizikal sedia ada (cth. peralatan/ mesin yang berkaitan langsung dengan penghasilan karya seni, kerja-kerja pembaikan, kos pengubahsuaian bagi menambahbaik kemudahan bekerja/ bengkel/ panggung awam/ sistem suara, dll.)
- Bayaran berkaitan kerja-kerja pembaikan atau menaiktaraf bahan yang berkaitan langsung dengan amalan kesenian (cth. peralatan muzik, persalinan, boneka, alat peraga, dll.) *Nota: setiap serahan resit akan dikaji kes demi kes, walau bagaimanapun adalah disarankan bahawa peratusan untuk kos memperbaiki infrastruktur atau menaik taraf haruslah lebih rendah daripada jumlah kos pelaksanaan program.*

Bahan Mentah

- Bahan mentah yang diperlukan dalam penghasilan karya seni (cth. ukiran kayu, kulit untuk membuat wayang kulit, daun nipah untuk anyaman, bahan-bahan untuk peralatan muzik, dakwat dan kertas untuk penghasilan kaligrafi, dll.)

Peningkatan pengalaman masyarakat

- Bahan-bahan yang diperlukan untuk memupuk pengalaman/ produk milik masyarakat (cth. memperluaskan dapur bagi penyediaan makanan kenduri untuk penggiat dan penonton persembahan tradisional mak yong).

Kegiatan Pemasaran dan Promosi

- Kegiatan pemasaran/ promosi (cth. bayaran iklan, pembungkusan/ pemasaran, bayaran pereka, iklan media sosial/ digital, dll.)

Perbelanjaan Tidak Layak

- Kos penginapan untuk peserta (sekiranya peserta bukan dari kawasan setempat atau memerlukan penginapan).
- Kos perlindungan insurans and perubatan.

Nota mengenai garis panduan transaksi pembayaran

Harap maklum bahawa penerima yang berjaya tidak boleh melakukan sebarang transaksi dengan pihak-pihak yang dianggap tidak boleh dituntut. Bagi peruntukan ini, istilah “pihak berkaitan” merujuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana syarikat/ pertubuhan yang dimiliki sepenuhnya dan/atau berkaitan dengan penerima.

Apakah yang dinilai dalam permohonan Program Adiguru CENDANA?

A. Latar Belakang

- Permohonan atau pencalonan mesti membuktikan:
 - bahawa adiguru atau pengamal berpengalaman memiliki **pengetahuan dan kemahiran yang tinggi** dalam amalan dan pembangunan kesenian tradisional.

TERMA RUJUKAN

- cara kesenian tradisional diperturunkan dari generasi ke generasi, bagaimana ianya memberikan rasa jati diri dan keberlangsungan kepada individu, kumpulan dan masyarakat, serta cara ianya menyumbang kepada perlindungan dan kelestarian warisan kebudayaan.
- Pencapaian dan latar belakang adiguru atau pengamal kesenian tradisional. Ini termasuk **nota biografi** (tidak lebih daripada 500 patah perkataan) dan dokumen-dokumen berkaitan lain seperti artikel-artikel, klip video dan gambar.

B. Kegiatan Semasa

- Permohonan atau pencalonan mesti merangkumi maklumat tentang kegiatan semasa adiguru termasuk persembahan, **pengajaran** tentang pengetahuan dan kemahiran mereka, kerjasama, **pemindahan pengetahuan kepada generasi muda**, dan usaha-usaha dalam melestarikan seni dalam masyarakat setempat (yang berhadapan risiko kepupusan).

C. Keperluan Bantuan

- Permohonan atau pencalonan mesti memperincikan keperluan khusus adiguru atau pengamal berpengalaman dan masyarakat kesenian tradisionalnya dan bagaimana geran ini dapat membantu adiguru atau pengamal kesenian tradisional dan masyarakatnya. (tidak lebih daripada 300 patah perkataan)

D. Rancangan dan Anggaran Kos

- Permohonan atau pencalonan perlu memperincikan **rancangan khusus untuk pengajaran**, penambahbaikan infrastruktur, atau pemerolehan bahan dan kos anggarannya. (tidak lebih daripada 500 patah perkataan)

E. Tanda Aras dan Garis Masa projek

- Permohonan atau pencalonan perlu memperincikan tanda aras, garis masa dan sasaran yang ingin dicapai untuk tujuan pemantauan perkembangan program Adiguru CENDANA.

F. Pengiktirafan

- Pemohon atau calon perlu **diiktiraf oleh masyarakat** mereka sebagai adiguru atau pengamal berpengalaman kesenian tradisional masing-masing; dan dikenali sebagai orang yang **mengekalakan pengetahuan dan kemahiran** yang diperlukan bagi amalan dan pemindahan bentuk-bentuk kesenian tradisional dengan nilai sejarah, seni atau budaya yang tinggi.

G. Iltizam Dalam Pemindahan Pengetahuan

- Pemohon harus **beriltizam untuk mengajar seni** mereka kepada generasi seterusnya atau berkongsi pengetahuan kepada masyarakat umum. (tidak lebih daripada 200 patah perkataan)


TERMA RUJUKAN

Apakah dokumen yang perlu diserahkan semasa permohonan?

Jenis Permohonan
<p>Memohon sebagai Individu/ Kumpulan – pemohon utama atau entiti tidak berdaftar dibawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM):</p> <ul style="list-style-type: none"> • Salinan Kad Pengenalan (IC) MyKad – salinan gambar belakang dan depan yang jelas pada halaman A4 yang sama. <p>Memohon sebagai Pertubuhan/ Persatuan – entiti pemohon berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Pendaftar Syarikat (ROC) atau Pendaftar Pertubuhan (ROS):</p> <ul style="list-style-type: none"> • Salinan Kad Pengenalan (IC) MyKad Pengarah/ Presiden* - salinan gambar belakang dan depan yang jelas pada halaman A4 yang sama (*<i>pengarah dan pemegang saham organisasi</i>). • Salinan borang pendaftaran syarikat yang sah dan lengkap – cth. Borang 9 (Borang SSM), Borang 24 atau 49, surat kebenaran (jika berkenaan), senarai ahli jawatankuasa (untuk pertubuhan).
Dokumen Sokongan
<ul style="list-style-type: none"> • Profil/ biografi (tidak lebih daripada 500 patah perkataan); • Lembaran anggaran belanjawan (<i>templat disediakan dalam borang permohonan</i>); • Penerangan ringkas mengenai rancangan kegiatan dan garis masa keseluruhan, tujuan penggunaan geran dan keperluan-keperluan khusus bagi adiguru dan masyarakatnya dalam memastikan kelestarian amalan kesenian tradisional masing-masing; • Bahan-bahan lain yang berkaitan seperti artikel, klip video, gambar, dll.
<p><u>Nota Berkaitan Garis Panduan Program Adiguru CENDANA</u></p> <p>Disamping mempromosikan dan membangunkan seni untuk masa depan Malaysia, sebagai agensi yang mengagihkan dana awam sejajar dengan dasar Kerajaan, CENDANA mengutamakan cadangan yang <u>tidak</u>:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menghina atau merendahkan seseorang, kumpulan atau kelas individu berdasarkan bangsa atau agama, atau dilaksanakan untuk mewujudkan konflik atau salah faham dalam masyarakat berbagai budaya dan agama; • Mengganggu keamanan atau kestabilan negara.

TERMA RUJUKAN

Apakah yang akan berlaku selepas anda menghantar permohonan?



Apakah yang akan berlaku selepas permohonan dinilai?

Permohonan yang Berjaya

Pemohon yang berjaya akan dimaklumkan melalui e-mel rasmi dengan Surat Tawaran yang menyatakan:

- Jumlah geran Program Adiguru CENDANA yang telah diluluskan;
- Terma & Syarat Program Adiguru CENDANA;
- Serahan yang diperlukan.

TERMA RUJUKAN

Tawaran Program Adiguru CENDANA akan **sah selama empat belas (14) hari** dari tarikh makluman melalui e-mel yang dihantar. Jika anda tidak menerima tawaran dalam tempoh tersebut, tawaran tersebut akan luput.

Permohonan yang tidak berjaya

Pemohon yang tidak berjaya akan dimaklumkan melalui e-mel rasmi dalam tempoh pemberitahuan yang sama.

Rayuan

CENDANA tidak akan menerima sebarang rayuan. Semua keputusan adalah muktamad.

Bagaimana anda akan menerima pembiayaan?

- Sekiranya anda berjaya, anda akan dikehendaki menghadiri mesyuarat bersama pihak CENDANA secara fizikal atau maya (bergantung kepada lokasi kediaman anda dan keadaan terkini dalam kawalan pergerakan) untuk mengesahkan syarat dan pembiayaan bersyarat tersebut.
- Jumlah yang diluluskan akan dikeluarkan dalam tiga (3) bahagian dalam tempoh sehingga dua belas (12) bulan, tertakluk kepada proses pemantauan CENDANA bersama rakan program PUSAKA yang akan berkomunikasi dengan penerima dalam menyediakan keperluan pelaporan yang relevan. Pembiayaan tersebut akan dikreditkan ke akaun bank anda.

Struktur pembiayaan Program Adiguru CENDANA adalah seperti berikut:

Proses Pelaporan dan Pemantauan dengan Rakan Program CENDANA		
Peringkat 1: Selepas Menandatangani Perjanjian	Peringkat 2: Pelaporan Proses Kemajuan	Peringkat 3: Laporan Pasca Akhir dan Serahan Lain
Pembayaran pertama (40% dari jumlah yang diluluskan) setelah pelaksanaan Surat Perjanjian dalam masa dua puluh satu (21) hari bekerja.	Pembayaran berikutnya (40% daripada jumlah yang diluluskan) dalam masa dua puluh satu (21) hari bekerja selepas penyerahan dokumen seperti di bawah yang memenuhi semua syarat pelaporan* CENDANA: <ul style="list-style-type: none"> • Laporan Tanda Aras Progresif; • Dokumen sokongan untuk menyokong tuntutan tersebut (seperti resit, baucar pembayaran, invoices dll.) 	Pembayaran akhir (baki 20% dari jumlah yang diluluskan) dalam masa 21 hari bekerja setelah selesai Laporan Tinjauan Pemantauan CENDANA dan serahan lain yang memenuhi semua syarat pelaporan* CENDANA: <ul style="list-style-type: none"> • Borang Tinjauan Ekonomi CENDANA; • Lampiran Profil Artis CENDANA (templat akan diberikan); • Penyata akaun akhir (bukti perbelanjaan seperti resit, baucar pembayaran, dll.);



TERMA RUJUKAN

		<ul style="list-style-type: none">• Bahan tambahan (foto, video, dokumentasi proses kraf, cagaran dibuat jika berkenaan).
Proses pendokumentasian dan program jangkauan yang berkaitan (contohnya: program perantis) akan dianjurkan oleh CENDANA dengan rakan usahasama PUSAKA. Maklumat lebih lanjut akan diberikan setelah disahkan.		

*Pelaporan data dan hasil memberikan CENDANA maklumat berharga untuk memantau prestasi dan aktiviti setiap projek, dan memastikan kebertanggungjawaban dana awam. Ini juga dapat membantu CENDANA bagi tujuan penyelidikan dan komunikasi bagi menunjukkan kesan-kesan program pembiayaan.

Proses Penyaluran Dana



Apakah yang diharapkan daripada pemohon yang berjaya?

- Anda mungkin dikehendaki untuk mengambil bahagian dalam **proses pendokumentasian** yang dianjurkan oleh CENDANA dengan rakan usahasama PUSAKA;
- Anda mungkin dikehendaki untuk mengambil bahagian dalam **program-program jangkauan** yang dianjurkan oleh CENDANA dengan kerjasama rakan program PUSAKA yang menggalakkan penglibatan dalam bentuk dan sektor kesenian yang lain seperti program perantisan;
- Untuk melaksanakan projek seperti mana yang telah digariskan di dalam kertas cadangan dan mematuhi persyaratan pelaporan sebagaimana yang dipersetujui;
- Sentiasa berkomunikasi dengan CENDANA dan rakan program CENDANA lain yang dilantik bagi mengemaskini kemajuan dan pemantauan projek atau sekiranya ada sebarang perubahan dalam skop kerja yang dicadangkan;

TERMA RUJUKAN

- Untuk menerapkan garis panduan jenama CENDANA ke semua platform komunikasi contohnya dengan memasukkan logo pada semua bentuk publisiti dan pemasaran³ untuk projek, platform dan kegiatan yang disokong (jika berkenaan);
- Untuk melengkapkan Lampiran Profil Artis CENDANA (templat akan diberikan);
- Untuk memastikan semua baucar pembayaran, invois dan resit bagi perbelanjaan projek disimpan sebagai bukti pembayaran untuk diserahkan kepada CENDANA. Kegagalan untuk memberikan dokumen sokongan yang diperlukan boleh mempengaruhi jumlah pengeluaran.

Siapakah yang boleh anda hubungi jika anda mempunyai pertanyaan?

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, atau ingin bertanyakan dengan lebih lanjut mengenai permohonan anda secara terperinci, sila hantarkan e-mel ke grants@cendana.com.my.

Nota tambahan

CENDANA berhak membatalkan sebarang permohonan sekiranya terdapat:

- perubahan skop projek tanpa memberitahu dan mendapatkan kelulusan daripada CENDANA;
- merendahkan atau merosakkan reputasi CENDANA secara langsung atau tidak langsung;
- tidak dapat melengkapkan projek itu mengikut cadangan yang dikemukakan;
- melanggar terma dan syarat yang dinyatakan dan dipersetujui dalam perjanjian Program Pembiayaan.

Namun, jika anda tidak menjalankan cadangan anda, tidak mencapai sasaran yang dipersetujui, atau membelanjakan jauh lebih rendah daripada yang disasarkan, CENDANA berhak untuk menyemak kembali dana yang diluluskan, dan/ atau mungkin menghentikan pembiayaan sama sekali.

TENTANG CENDANA

Agensi Pembangunan Ekonomi Seni Budaya (CENDANA) dilancarkan pada 6 September 2017 untuk membentuk ekonomi seni budaya yang megah, mampan dan bercita-cita tinggi untuk Malaysia, disamping meningkatkan profil seni budaya Malaysia dalam membentuk identiti Malaysia sebagai destinasi seni yang strategik di peringkat global. Disokong oleh Kerajaan Malaysia melalui MyCreative Ventures Sdn Bhd (syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan) dan melapor kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cendana.com.my.

³ Butiran dinyatakan dalam perjanjian.